

Unit : 2.1 – Sikap patuh dan taat kepada ibu bapa /penjaga.

SOALAN 1 – FAHAMAN

1. Baca dan fahami surat kiriman di bawah ini. Kemudian jawab 10 soalan dari petikan tersebut.

ANAKKU AMIRUL

Amirul seorang budak yang nakal. Dia selalu tidak hadir sekolah. Amirul sangat takut akan bapanya yang garang itu. Semasa bapa Amirul bekerja ke luar negara selama satu minggu, dia tinggal bersama ibunya sahaja. Sikap Amirul yang nakal itu semakin menjadi-jadi. Dia sudah berani melawan cakap ibunya.

Sepanjang cuti penggal pertama, Amirul berada di rumah sahaja dan masanya dipenuhi dengan bermain permainan 'Play Station' (PS). Amirul marah apabila diajak oleh ibunya untuk pergi berkelah.

"Ibu, Amirul tak mahu pergi ke pantai. Amirul nak di rumah sahaja," kata Amirul kepada ibunya.

"Amirul... ikut ibu. Kalau tak, ibu tutup televisyen itu!" tegas ibu Amirul.

Akhirnya Amirul terpaksa bersetuju setelah dipujuk oleh ibunya. Mereka tiba di pantai petang itu dengan membawa beberapa bakul berisi makanan. Amirul ternampak taman permainan. Amirul terus pergi meninggalkan ibunya dengan bakul-bakul makanan tersebut. Dia tidak menghiraukan ibunya dan asyik bermain di taman permainan. Ibunya mengangkat bakul sendirian dan meletakkannya di atas meja.

Setelah makanan siap dihidangkan di atas meja, ibu Amirul memanggil-manggil Amirul, "Amirul... mari sini, kita makan dulu..." Tetapi malangnya Amirul tidak mengendahkan kata-kata ibunya itu.

Tiba-tiba, Amirul menjerit kesakitan. Ibu Amirul berlari mendapatkan Amirul dan mendapati kepalanya luka akibat terjatuh dari tempat permainan. Amirul dibawa ke rumah sakit dan dirawat dengan baik. Dia dibenarkan pulang pada petang itu juga. Selepas kejadian itu, Amirul berasa kesal. Dia meminta maaf kepada ibunya kerana bersikap degil dan tidak mahu mendengar kata. Dia berjanji akan menjadi budak yang baik. Ibunya berasa gembira mendengar kata-kata Amirul. Mereka berdua keluar meninggalkan rumah sakit itu dengan rasa syukur.

Soalan.

1. Bagaimanakah perilaku Amirul?

(2 markah)

2. Ke manakah ayah Amirul pergi selama satu minggu?

(2 markah)

3. Apakah yang dibuat Amirul sepanjang cuti penggal pertama?

(2 markah)

4. Ke manakah ibu Amirul mengajaknya pergi?

(2 markah)

5. Apakah yang dibawa ibu Amirul ke pantai?

(2 markah)

6. Adakah Amirul membantu ibunya menyusun makanan di atas meja?

(2 markah)

7. Nyatakan apa yang dibuat Amirul setelah tiba di pantai.

(2 markah)

8. Mengapakah Amirul tiba-tiba menjerit?

(2 markah)

9. Nyatakan sikap Amirul selepas kejadian itu.

(2 markah)

10. Apakah janji Amirul kepada ibunya?

(2 markah)